

**Bahagian A**

[50 markah]

*Jawab semua soalan.**Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini: 60 minit.*

1. Jadual 1 merupakan pernyataan tentang budaya kerja positif dalam sesebuah organisasi.

Nyatakan budaya kerja positif tersebut pada ruang yang disediakan.

Budaya Kerja Positif	Penyataan
(i) .....	Pekerja menyelesaikan tugas yang diberi mengikut masa yang telah ditetapkan
(ii) .....	Pekerja sentiasa bersedia menerima tugas berdasarkan peraturan yang ditetapkan

Jadual 1

[2 markah]

2. Jadual 2 menunjukkan kaedah mendapatkan maklum balas peningkatan sendiri.

Nyatakan jenis ujian pada ruang yang disediakan.

Jenis Ujian	Penyataan
(i) .....	Mengukur, kebolehan, minat, sikap, personaliti, kecenderungan dan kemahiran menyelesaikan masalah
(ii) .....	Mengenalpasti atau menilai kesediaan, potensi, kesesuaian atau meramal kejayaan murid dalam pembelajaran seterusnya
(iii) .....	Memberikan pendedahan maklumat kerjaya yang lebih luas dan tepat

Jadual 2

[3 markah]

3. Sumber manusia ialah sumber yang terdapat pada diri individu yang boleh digunakan.

Nyatakan **tiga** jenis sumber manusia.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

[3 markah]

4. Nyatakan **dua** kepentingan simpanan dan pelaburan dalam pelan kewangan keluarga.

- (i) .....
- (ii) .....

[2 markah]

5. Jadual 3 menunjukkan penyataan tentang dua jenis pakaian wanita dengan elemen reka bentuk yang berbeza.

<b>Gaun A</b>	Gaun labuh berwarna gelap dengan garis menegak, potongan lurus dan fabrik berkilat tanpa corak.
<b>Gaun B</b>	Gaun paras lutut berwarna cerah dengan garis melintang, potongan kembang di bawah dan fabrik kasar bercorak bunga.


Jadual 3

Nyatakan **tiga elemen** reka bentuk yang dapat dikenal pasti dalam kedua-dua jenis pakaian tersebut.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

[3 markah]

6. Rajah 1 menunjukkan bahagian badan yang perlu diukur semasa mengambil ukuran badan.



Rajah 1

Nyatakan bahagian berlabel P, Q dan R.


P : .....

Q : .....

R : .....


[3 markah]

7. Rajah 2 menunjukkan pandangan hadapan dan pandangan belakang sehelai rompi.



Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, lukis **tiga** tanda pola yang **betul** pada pola belakang rompi di Rajah 3.



Rajah 3

[3 markah]

8. Rajah 4 menunjukkan sejenis kumpulan makanan.



Rajah 4

Nyatakan **satu** kesan **kekurangan** dan **berlebihan** pengambilan makanan bagi kumpulan makanan tersebut dalam diet harian seseorang.

**Kesan kekurangan** : .....

**Kesan berlebihan** : .....

[2 markah]

9. Pernyataan di bawah adalah tentang suatu istilah dalam pengurusan sumber keluarga.

Perselisihan atau pertentangan idea antara individu

Apakah istilah yang berkaitan dengan maksud itu?

.....

[1 markah]

10. Rajah 5 di bawah menunjukkan maklumat nutrien yang terkandung dalam sepaket spageti.

<i>Nutrition Facts</i>		
Average Nutritional Value for 100 g (approx.)		
		%RDA
Energy	Kcal 352	17.6%
Carbohydrates	73 g	
of which Sugars	2.1 g	4.2%
Protein	14 g	
Trans Fat	0 g	0%
Dietary Fibre	1.6 g	
Fats	1.6 g	2.3%
of which Saturated	0.4 g	1.8%
Sodium	4 mg	0.2%

%RDA is based on a 2000 calorie diet only



The image shows a package of ANMARA Organic Spaghetti. The package is labeled 'ANMARA ARTISANAL PASTA' and 'ORGANIC Spaghetti HARD DURUM WHEAT PASTA'. It also mentions 'Traditional Bronze-Cut' and 'Natural Slow Drying Process'. The package is shown next to a bowl of spaghetti and some fresh herbs.

Rajah 5

Nyatakan satu tindak balas enzim ke atas makanan itu di mulut.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

11. Adi telah mengambil sepinggan nasi lemak sebagai hidangan sarapannya.

Menu	Porsi (gram)	%EP	Komposisi nutrien yang boleh dimakan bagi setiap 100g			Jumlah nilai tenaga (kJ)
			Karbohidrat 25.3g	Lemak 6.7g	Protein 4.2g	
Nasi Lemak	200	100	860.2 kJ	X	148.2 kJ	Y

Hitungkan :

X : .....

Y : .....

[2 markah]


12. Senaraikan **dua** ciri usahawan abad ke-21.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

13. Carta alir di bawah menerangkan prosedur yang perlu dipertimbangkan oleh usahawan untuk memulakan perniagaan.



Apakah prosedur P, Q dan R ?

P : .....

Q : .....

R : .....

[3 markah]

14. Rajah 6 di bawah menunjukkan gambar tempat kerja dalam bidang hospitaliti.



Rajah 6

Nyatakan **tiga** tindakan yang boleh diambil oleh pekerja untuk mengatasi masalah kerosakan peralatan di ruang tersebut.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

[3 markah]

15. Makanan mempunyai tempoh yang terhad sebelum rosak.

Nyatakan perubahan fizikal yang berlaku pada makanan berkenaan pada ruang yang disediakan.

Makanan	Perubahan Fizikal
Roti	
Air Susu	
Ayam mentah	


[3 markah]

16. Nyatakan kelengkapan dapur atau jenis perabot pada ruang yang disediakan.

Kelengkapan Dapur atau Perabot	Penyataan
(i) .....	<ul style="list-style-type: none"> <li>Digunakan untuk menutup bahan makanan</li> <li>Untuk menapis makanan seperti santan, sup</li> </ul>
(ii) .....	<ul style="list-style-type: none"> <li>Digunakan sebagai tempat untuk menyimpan dan menyusun atur bahan makanan kering</li> </ul>
(iii) .....	<ul style="list-style-type: none"> <li>Digunakan untuk kerja-kerja pembersihan selepas menggunakan ruang dapur</li> </ul>

[3 markah]

17. Rajah 7 menunjukkan satu kaedah memasak menggunakan prinsip haba kering.



Rajah 7

Berdasarkan Rajah 7,

- (a) Nyatakan kaedah memasak itu.

.....

[1 markah]

- (b) Nyatakan **dua** kelebihan memasak menggunakan kaedah itu.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

18. Bagi mendapatkan bijirin yang baik terdapat beberapa cara penyimpanan bijirin dan hasil bijirin.

Nyatakan cara penyimpanan bijirin dan hasil bijirin (pasta kering).

Jenis	Cara Penyimpanan
Bijirin	
Pasta kering	

[2 markah]

19. Jadual 4 menunjukkan senarai kos bagi hidangan 50 bekas jeli untuk dijual pada hari kantin sekolah.

Kos Bahan	Kos (RM)
Kos bahan mentah untuk membuat jeli	50.00
Kos Upah	
Dua orang murid dibayar upah RM 4.00 sejam Bekerja selama 3 jam	
Kos Sampingan	
Gas	2.00
Elektrik dan air	2.00

Jadual 4

Hitungkan :

(a) Kos upah.

(b) Jumlah kos sajian.

[3 markah]

20. Rajah 8 menunjukkan sejenis hidangan pastri.



Rajah 8

Nyatakan ***mise en place*** bagi masakan pastri tersebut.

Langkah 1, 3, 4, 5 dan 6 diberi.

Langkah 1 : Kenal pasti resipi dan bahan yang diperlukan.

Langkah 2 : .....

Langkah 3 : Timbang dan sukat bahan dengan tepat.

Langkah 4 : Sediakan inti lebih awal mengikut keperluan resipi.

Langkah 5 : Bakar bahan-bahan seperti kekacang mengikut keperluan resipi.

Langkah 6 : Rendam bahan makanan sekiranya perlu.

Langkah 7 : .....

[2 markah]

**Bahagian B**

[50 markah]

*Jawab semua soalan.**Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini: 90 minit.*

1. Encik Kamal bekerja sebagai Jurutera dan isterinya seorang suri rumah. Encik Kamal bercadang ingin membeli sebuah rumah kediaman untuk keluarganya. Maklumat di bawah menerangkan tentang Encik Kamal dan cadangan rumah yang ingin dibelinya.

<b>Pekerjaan</b>	Jurutera
<b>Gaji</b>	RM8500.00/bulan
<b>Kemampuan membeli rumah</b>	RM325,000.00
<b>Ansuran bulanan yang mampu dibayar</b>	RM2,000.00/bulan
<b>Bilangan anak</b>	2

Jadual 5

<b>Maklumat rumah dicadang untuk dibeli</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Jenis rumah : Semi D setingkat</li> <li>● Harga : RM300,000.00</li> <li>● Spesifikasi : 4 bilik tidur</li> <li>● Lokasi : 2 km dari sekolah</li> <li>● Percuma : Kabinet ruang tamu</li> <li>● Berhadapan dengan landskap yang cantik dan Balai Polis</li> </ul>

Berdasarkan maklumat dan Jadual 5,

- (a) Terangkan faktor – faktor yang mempengaruhi Encik Kamal membeli rumah kediaman untuk keluarganya.

.....

.....

.....

.....

.....



2. Jadual 6 menunjukkan menu A iaitu makanan siap masak serta bahan mentah B yang dibeli oleh Fatin untuk memasak makanan yang sama seperti menu A.

A		B	
Menu	Harga seunit (RM)	Bahan mentah	Harga seunit (RM)
150g nasi putih	2.00/150g	150g beras	4.00/kg
150g paha ayam goreng	5.00/150g	150g paha ayam segar	18.00/kg
120g batang bendi rebus	2.00/120g	120g bendi segar	5.00/kg
100g potongan betik	3.00/100g	100g betik	6.00/kg
		100g minyak masak	2.50/kg

Jadual 6

Berdasarkan maklumat di Jadual 6,

- (a) Kirakan kos sajian makanan siap masak yang dibeli oleh Fatin di A.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[1 markah]

- (b) Kirakan kos sajian makanan yang dimasak sendiri oleh Fatin menggunakan bahan mentah di B jika beliau memperuntukkan masa selama 2 jam dengan kadar upah sebanyak RM2.00 sejam serta kos sampingan sebanyak RM1.50.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....



3. Rosie seorang wanita yang mempunyai bentuk badan **tinggi dan gempal**. Beliau akan menghadiri majlis rasmi di pejabatnya. Rajah 8 menunjukkan pilihan rekaan pakaian untuk tujuan tersebut.



Rajah 9

Berdasarkan maklumat dan Rajah 9,

- (a) Bandingkan stail pakaian tersebut dari segi elemen garis leher, hiasan dan lengan.

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....



4. Ammar telah terpilih untuk mewakili kolejnya ke pertandingan memasak Chef Muda.
- (a) Lakar dan labelkan reka bentuk pakaian chef yang sesuai dan selamat untuk dipakai Ammar ke pertandingan tersebut dengan memberi justifikasi keselamatan pada setiap bahagian berlabel tersebut.



[12 markah]

(b) Kenal pasti **tiga** kepentingan pemilihan jenis pakaian itu kepada pengendali makanan.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**